

BAB 4

PARTI KEBANGSAAN MELAYU MALAYA (PKMM) DAN PARTI KOMUNIS MALAYA (PKM) 1945-1948: SATU PENELITIAN TENTANG KEGIATAN POLITIK

PARTI Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) merupakan sebuah parti politik Melayu yang paling awal ditubuhkan di Semenanjung Tanah Melayu selepas Jepun menyerah kalah di negara ini. Parti ini ditubuhkan pada 17 Oktober 1945 di Ipoh, Perak. Penubuhannya sebagai satu usaha untuk mengisi kekosongan politik Melayu pada masa itu di samping menjadi satu badan gerakan orang Melayu Perak dan Semenanjung.

Pandangan para pengkaji dan peminat sejarah terhadap PKMM sebenarnya telah dibentuk oleh beberapa tulisan sejarah yang ditulis oleh beberapa tokoh penting sama ada sebagai pendukung dan pejuang PKMM sendiri ataupun oleh penulis pengkaji yang menggunakan kaedah temu bual dengan pendukung dan pejuang PKMM itu sendiri. Kaedah ini terpaksa digunakan kerana dokumen-dokumen tentang PKMM dari para pejuang itu sangat sedikit dapat dikumpulkan kerana dirampas oleh polis sewaktu mereka ditahan ataupun termusnah kerana peredaran masa. Rekod-rekod British pula masih belum dibuka untuk kajian umum pada tahun 1960-an, sewaktu minat tentang golongan radikal oleh para pengkaji begitu meluap sekali. Para pengkaji Barat pula tersekat dengan kesuntukan masa penyelidikan dan penggunaan bahan-bahan tempatan kerana kegagalan untuk menguasai Bahasa Melayu dan tulisan Jawi yang menjadi tulisan rasmi masyarakat Melayu sebelum merdeka. Hambatan-hambatan ini menjadikan mereka tidak mampu untuk melahirkan satu perspektif tempatan dan seimbang.

Pengkaji-pengkaji tempatan mempunyai banyak kelebihan berbanding dengan pengkaji luar. Kesempatan yang terbuka luas ini boleh melahirkan satu pandangan yang berbeza daripada pendapat yang telah sedia ada mengenai PKMM. Pengkaji masa kini juga telah terpisah daripada segala rasa simpati terhadap golongan tertentu. Kajian pada hari ini mampu melahirkan satu keaslian jika kita rajin menggunakan sumber-sumber tempatan yang digabungkan bersama dengan pemahaman yang lebih objektif tentang disiplin sejarah dan sejarah masyarakatnya. Pemahaman kepada budaya tempatan juga menjadi satu aset penting untuk memahami gelora politik dan gerakan kebangsaan masyarakat Melayu. Penulisan ini ingin melahirkan beberapa pandangan baru terhadap PKMM.

Penubuhan PKMM

Dalam kebanyakan historiografi tentang PKMM, parti ini sentiasa dilihat sebagai satu parti yang muncul secara spontan hasil dari reaksi orang Melayu radikal terhadap penjajahan British di Semenanjung. Hampir kebanyakan kita menerima pandangan ini walaupun ada satu penyelidikan yang telah membincangkan hal ini tetapi amat jarang digunakan dalam historiografi gerakan politik dan kebangsaan Malaysia. Buku yang dimaksudkan ialah *The Masked Comrades* tulisan Cheah Boon Kheng (*Times Book International*, Singapore, 1978). Sebuah buku lain yang ditulis tentang PKMM dari kaca mata seorang pengasas dan pejuangnya juga mengakui secara peribadi tentang kemunculan PKMM itu, namun ramai pengkaji terutama pengkaji tempatan yang tidak mengambil kira pendapat ini walaupun menerima fakta-fakta lain dari tokoh yang sama. Penulis yang dimaksudkan ialah Ahmad Boestamam dengan bukunya *Merintis Jalan ke Puncak* (Pustaka Kejora, Kuala Lumpur, 1972).

Pendapat yang telah diutarakan oleh kedua-dua buku ini ialah PKMM telah diasaskan dan dipengaruhi oleh Parti Komunis Malaya (PKM). Ahmad Boestamam secara peribadi mengaku dan menceritakan bagaimana PKMM melalui pimpinan Mokhtaruddin Lasso, ketua pasukan Melayu dalam PKM mencadangkan satu mesyuarat untuk menubuhkan sebuah parti radikal dalam kalangan orang Melayu bagi menentang